

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1151308/program-subsidi-bersasar-dilaksana-sepenuhnya-tahun-depan>

### Program subsidi bersasar dilaksana sepenuhnya tahun depan



Menteri Ekonomi Rafizi Ramli. Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR : Kerajaan menjangkakan Program Subsidi Bersasar akan dapat dilaksana sepenuhnya bermula pada 2024.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ia selepas Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dijangka melalui tempoh percubaan mulai November ini, sebelum dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024 untuk kegunaan pengesahan maklumat peribadi.

"Selepas PADU diuji dan disahkan, dengan kita mencapai sasaran maklumat isi rumah sudah berada sepenuhnya di dalam sistem, maka itu akan membolehkan kerajaan membuat keputusan bila hendak mulakan subsidi bersasar.

"Kalau kita lihat garis masa itu, PADU sudah diuji dan dibuka kepada orang ramai dalam Januari 2024. Pandangan saya, Program Subsidi Bersasar akan mula dilaksana pada 2024," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di lobi Parlimen selepas selesai pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Menyentuh kaedah dan mekanisme pelaksanaannya, Rafizi berkata, sama ada ia menerusi pindahan tunai, berdasarkan pemberian kad khas atau agihan di pam stesen minyak, semuanya akan diputuskan dari semasa ke semasa.

"Keutamaan kita sekarang maklumat sosioekonomi isi rumah kena lengkap dulu dalam PADU. Itu lebih penting berbanding kita mahu guna kad pengenalan ke, pindahan (kredit) terus ke akaun atau mahu pakai pam. Inilah fokus kita sekarang," katanya.

Pada 15 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju menubuhkan PADU untuk menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah di negara ini bagi memperkemas pelaksanaan subsidi bersasar.

Semalam, Rafizi , dilaporkan berkata setakat ini, proses pembangunan sistem PADU yang menggabungkan maklumat sosioekonomi bagi setiap isi rumah rakyat Malaysia berjalan lancar mengikut garis masa dirancang.